

24/02/1997

(Universiti Kebangsaan Malaysia)

22 - 23 Februari - Konvensyen Melayu Dalam Pembangunan anjuran Forum Kebangsaan Malaysia akan diadakan di Kampus Induk, UKM Bangi. Konvensyen itu dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

24 Februari - Majlis perasmian mesyuarat keempat Projek Kajian LUCC Asia Tenggara anjuran Jawatankuasa Teknikal Kebangsaan IGBP/START dan Biro Rundingan UKM akan dilakukan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Abdu Bakar Daud di Bilik Persidangan Rose, Tingkat Mezzanine, Hotel Melia, Kuala Lumpur.

26 Februari - Majlis Malam Aidilfitri Darul Ridzuan akan diadakan di Golf Terrace, Kelab Rekreasi Universiti (KRU), UKM, jam 8 malam.

26 Februari - 2 Mac - Minggu Keluarga ke-14 Kamsis Rahim Kajai (KRK) bertemakan Mahasiswa Kreatif Kamsis Gemilang anjuran Sekretariat Naib Yang Dipertua Jawatankuasa Kebajikan Siswa-siswi (Jaksa) KRK akan diadakan di kamsis berkenaan. Majlis perasmian akan diadakan pada 27 Februari oleh Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed.

26 Februari - Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UKM dengan Universiti Riau, Indonesia akan diadakan di Puri Pujangga, UKM, jam 3 petang.

27 Februari - Syarah Perdana Sempena Penerimaan Lantikan Jawatan Profesor oleh Timbalan Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM, Prof Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh bertajuk Tamadun Silam dan Pembinaan Tamadun Abad ke-21 di Bilik Jumaah, Paras Lima, Bangunan Pentadbiran, UKM.

1 Mac - Budaya Gemilang Kinabalu anjuran Persatuan Mahasiswa-Mahasiswi Sabah akan diadakan di Kampus Induk, UKM. Majlis perasmian dijangka dilakukan oleh Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee.

(END)